

**NOVEL EPISOD CINTA DI TANAH HIJRAH DALAM BACAAN  
INTERTEKSTUALITI  
NOVEL EPISOD CINTA DI TANAH HIJRAH IN THE READING OF  
INTERTEXTSTUALITY**

*Abdul Halim Ali\**, *Ariff bin Mohamad*  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong, Malim, Perak, Malaysia.  
\*halim.ali@fbk.upsi.edu.my

**ABSTRAK**

Makalah ini bertujuan menganalisis unsur-unsur intertekstualiti dalam novel *Episod Cinta Di Tanah Hijrah* karya Amaruszati Noor Rahim. Analisis dan perbincangan dibuat secara deskriptif berpandukan teori *Intertekstualiti* yang dikemukakan oleh Julia Kristeva (1980). Teori ini memberi penekanan kepada penelitian hubungan yang wujud antara teks pengarang dengan teks-teks yang lain yang berada di sekitar teks pengarang. Beberapa alat ukur Intertekstualiti ialah transformasi, modifikasi, ekspansi, demitefikasi, haplologi, defamiliarisasi dan paralel. Analisis menunjukkan idea dan perkembangan plot dalam novel *Episod Cinta Di Tanah Hijrah* terhasil daripada gabungan beberapa aspek lain di luar teks asal seperti sejarah Tanah Melayu, pengalaman peribadi pengarang, merupakan antara teks utama yang berhubungan dengan karya ini. Elemen sejarah ini dapat dikesan dalam teks `Memoir Samsiah Fakeh`, novel `Lefternan Adenan Wira Bangsa` dan pengalaman benar dalam masyarakat kini. Hasil analisis menunjukkan bahawa novel *Episod Cinta Di Tanah Hijrah* tidak terhasil atas kapasiti keunggulan satu idea sahaja, sebaliknya

dijayakan dengan berkesan oleh kehadiran teks-teks lain yang Berjaya menghidupkan jalan cerita.

Kata Kunci: Intertekstualiti, hiperteks, hipoteks, sejarah, transformasi, modifikasi, ekspansi, haplologi, konversi

### **ABSTRACT**

This paper aims to analyze the elements of intertextuality in the novel *Episod Cinta di Tanah Hijrah* (2009) written by Amaruszati Rahim Noor. Analysis and discussion was guided by descriptive theory of intertextuality proposed by Julia Kristeva (1980). This theory focuses on research relationship that exists between the author of the text with the other texts that surround the text editor. Several intertextuality measures like transformation, modification, expansion, demitefication, haplology, defamiliarisation and parallel. Analysis showed the idea and development of the plot in *Episod Cinta di Tanah Hijrah* was derived from the combination of several other aspects beyond the original text such as history of Malaya, the author's personal experience, is among the main text associated with this 'Memoirs Samsiah Fakeh', novel 'Lieutenant Adenan Bangsa' and the present true experience of the society. The analysis showed that the novel *Episod Cinta di Tanah Hijrah* was not a result of one idea only, but was developed effectively by the presence of other texts which had successfully from the storyline.

*Keywords: Intertextuality, hypertext, hypotext, history, transformation, modification, expansion, hapology, conversion.*

### **PENGENALAN**

Dalam menghasilkan sesebuah karya sastera, pelbagai teknik pengkaryaan yang boleh digunakan oleh pengarang untuk menghasilkan karya bermutu dan dapat dinikmati khalayak dengan penerimaan yang baik. Sesetengah pengarang menulis sesebuah

karya berdasarkan pengalaman mereka atau pengalaman orang lain dan terdapat juga karya yang lahir hasil daripada penelitian pengarang terhadap persekitarannya. Namun, wujud juga pengarang yang menghasilkan karya dengan menghadirkan beberapa teks lain ke dalam karyanya. Dalam konteks ini, sesebuah teks sastera yang dihasilkan oleh pengarang dikatakan mempunyai hubungan dengan teks-teks lain di dalamnya yang lebih terdahulu. Justeru, makna teks yang terkandung dalam sesebuah karya yang dihasilkan bukan hanya terbatas kepada makna yang hadir daripada pengarangnya tetapi juga bergantung kepada teks-teks yang lain dan fenomena inilah yang dikenali sebagai intertekstualiti.

Teks yang dihasilkan pengarang tidak berdiri dengan sendiri sebaliknya teks tersebut dibina daripada beberapa sistem, kod dan tradisi yang diperkukuhkan oleh teks yang lebih awal (Mawar Shafei, 2010: 31). Dalam menghasilkan sesebuah teks sastera seperti genre novel, cerpen atau drama, terdapat beberapa jenis teks yang dirujuk atau dihadirkan oleh pengarang ke dalam teksnya. Pengarang akan melakukan proses pemindahan, pengubahan, serapan, penukaran, pengembangan, pelencongan dan pengaturan persamaan atau pembaikan. Proses seperti ini dapat dilihat dengan jelas dalam beberapa buah karya seperti *Autumn in Peking* karya Boris Vian yang mewujudkan jalinan beberapa teks pengarang lain iaitu *The Outsider* (Albert Camus), *Mort a Credit* (Louis Ferdinand Celine) *Fleurs de Mal* (Charles Beaudelaire).

Dalam karya-karya tempatan juga, intertekstualiti turut tidak terkecuali daripada diguna pakai oleh pengarang tempatan. Teks yang sering dihadirkan pengarang dalam teks baharu yang terhasil adalah seperti teks *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Teks awal seperti ini sering diguna dan dirujuk oleh pengarang sebagai teks-teks yang hadir dalam karyanya dan menjadi kelangsungan makna terhadap teks tradisi ini. Misalnya, novel *Bukan Legasi Lalang* karya Sri Rahayu Mohd Yusop yang memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan kategori Hadiah Novel Remaja dikatakan menghadirkan teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* dalam novel tersebut. Pemilihan latar tradisional iaitu zaman keturunan ketiga Hang Jebat dengan watak

penglipur lara Cik Hassan Muda sebagai cicit Hang Jebat menerajui hubungan intertekstualiti dan dialog yang jelas antara novel berkenaan dengan *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Selain itu, drama berjudul *Pahlawan Dari Rodat* karya Wan Ahmad Ismail juga dikatakan menghadirkan kedua-dua teks tradisi tersebut. Kehadiran kedua-dua teks tradisi itu ke dalam drama tersebut diperkukuhkan dengan kewujudan watak yang sama seperti watak Sultan Melaka, Tun Teja dan Hang Tuah.

## KAJIAN LALU

Kewujudan hubungan antara teks di dalam sesebuah karya sastera telah banyak diteliti oleh pelbagai tokoh barat mahupun dalam kalangan tokoh tempatan sendiri. Mikhail Bakhtin merupakan antara tokoh yang banyak mengkaji karya sastera mengikut pandangan intertekstualiti atau konsep dialogik. Bakhtin berdasarkan teori dialogik telah meneliti dan menganalisis karya Dostoevsky seperti *The Big Gambler*, *The Idiot* dan *The Brother Karamazoo* dengan menggunakan jurus pandangan tekstualiti dan hubungannya dengan teks luaran yang membina makna dalam karya tokoh tersebut (Mawar Shafei, 2010: 33). Julia Kristeva juga merupakan antara tokoh penting yang telah meneliti karya sastera berdasarkan teori intertekstualiti. Kristeva telah menerapkan teori tersebut untuk mengkaji dan menganalisis puisi dalam kajian disertasinya yang berjudul *La Revolution du Langage Poetique*.

Terdapat juga beberapa tokoh tempatan yang melakukan kajian terhadap beberapa buah karya berdasarkan teori intertekstualiti dan antara tokoh yang banyak melakukan kajian intertekstualiti terhadap karya tempatan ialah Mawar Shafei dan Mana Sikana. Mawar Shafei telah meneliti beberapa buah novel tempatan dengan menggunakan teori intertekstualiti. Antara novel yang diteliti adalah novel karya Sasterawan Negara Dato' Dr Anwar Riduan seperti *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Di Negeri Belalang* (1989) dan *Arus* (1985). Beliau meneliti kehadiran karya-karya yang lebih awal di dalam karya yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara tersebut. Contohnya, novel *Hari-hari terakhir*

*Seorang Seniman* telah menghadirkan cerita rakyat di dalamnya yaitu *Si Gembang* atau *Teluk Bidung Kota Lama*.

## **METODOLOGI**

Analisis ke atas novel *Episod Cinta Di Tanah Hijrah* adalah sebuah analisis deskriptif dengan melihat secara terperinci kandungan teks. Perbincangan hasil analisis didasarkan pada prinsip-prinsip teori Intertekstualiti Julia Kristeva. Beberapa prinsip teori Intertekstualiti yang dijadikan alat ukur dan sandaran perbincangan ialah transformasi, modifikasi, Ekspansi, demitefikasi, haplogi, defamiliarisasi dan paralel.

### **Latar Belakang Teori *Intertekstualiti***

Teori *Intertekstualiti* merupakan teori yang melihat kehadiran teks-teks lain dalam sesebuah karya dan teori ini sering dikaitkan dengan pascamodernisme (Adolphe Haberer, 2007: 57). Menurut Julia Kristeva intertekstualiti adalah *any text is the absorption and transformation of another* (Kristeva 1980: 66). Teori ini adalah hasil garapan awal Ferdinand de Saussure yang merupakan ahli linguistik Switzerland apabila beliau membincangkan perbezaan sistem tanda yang terkandung dalam himpunan kuliah *Course in General Linguistics* (1915). Saussure melihat adanya fenomena hubungan dan perbezaan dalam tanda bahasa. Setiap tanda wujud dalam satu sistem dan menghasilkan makna apabila dilakukan proses perbandingan dengan tanda-tanda yang lain (Mawar Shafei, 2010: 36).

Selepas itu, muncul tokoh yang penting dalam perkembangan teori ini iaitu Mikhail Bakhtin. Menurut Mana Sikana (1998), Bakhtin merupakan tokoh awal yang memperkenalkan konsep intertekstualiti iaitu pada tahun 1926. Pada awalnya, Bakhtin menggunakan konsep dialogik yang memfokuskan konsep dialog dengan memberi tanggapan bahawa bahasa merupakan dialog atau unsur pembinaan dalam bahasa. Beliau berpendapat bahawa semua karya yang dihasilkan oleh seseorang pengarang

mempunyai hubungan atau dialog antara karya yang dihasilkan dengan teks-teks yang lain. Penelitian Bakhtin terhadap teori dialogisme yang berkembang pada abad ke-19 berdasarkan karya-karya dari beberapa penulis Rusia telah berjaya membina asas teori dialogik bagi membaca dan memahami karya sastera.

Pendekatan Formalisme Rusia yang berkembang hebat pada abad ke 19 dikatakan tidak cukup ampuh untuk menganalisis karya besar yang dihasilkan Dostoevsky yang merupakan penulis Rusia yang terkenal yang telah menghasilkan beberapa karya seperti *The Big Gambler*, *The Idiot* dan *The Brother Karamazoo*. Bakhtin berdasarkan teori dialogik telah meneliti dan menganalisis karya tersebut dengan menggunakan jurus pandangan tekstualiti dan hubungannya dengan teks luaran yang membina makna dalam karya tokoh tersebut. Selain itu, menerusi teori dialogik ini juga, Bakhtin cuba meneliti beberapa karya lain yang dianggap besar seperti Leo Tolstoy, Nikolai Gogol atau Aleksandr Sergeyevich Pushkin (Mawar Shafei, 2010: 37).

Teori Dialogik Bahktin dilihat mengurangkan penguasaan pendekatan Formalistik yang mengabaikan aspek-aspek luaran seperti sejarah, tradisi, aspek sosial, budaya, falsafah dan pengalaman pengarang. Sememangnya Bahktin sama sekali tidak mempersetujui kewujudan pemisah antara aspek luaran tersebut dengan karya sastera yang dihasilkan namun beliau tidak menolak kepentingan unsur struktur seperti tema, plot, watak dan sebagainya. Berdasarkan teori dialogik, Bahktin menyatakan bahawa terdapat tiga proses dialog yang berlaku di dalamnya iaitu proses pembacaan, proses pemahaman dan penilaian serta proses penulisan.

Julia Kristeva merupakan tokoh yang mendukung dan mengembangkan teori dialogik Bakhtin dengan menjelaskan dan memperluaskan teori Bakhtin ini melalui tulisan-tulisannya dalam bahasa Perancis. Tulisan-tulisan tersebut telah diterjemahkan dalam bahasa Inggeris dengan judul *Desire in Language: A Simeotic Approach to Literature and Art* dan teori tersebut telah telah mula tersebar luas (Mana Sikana, 1998: 197). Julia merupakan tokoh yang memperkenalkan istilah *intertekstuality* yang membawa

maksud wujud teks lain dalam sesebuah teks. Selain itu, beberapa pecahan pendapat tentang intertekstualiti telah dikemukakan oleh sarjana lain seperti Roland, Barthes, Gerard Genette, Michael Riffaterre dan Harold Bloom yang menjadi kelangsungan dan perkembangan kepada teori ini.

### **Prinsip Teori *Intertekstualiti***

Prinsip-prinsip yang akan dikemukakan ini adalah berdasarkan daripada pandangan dua tokoh besar dalam teori intertekstualiti iaitu Mikhail Bakhtin dan Julia Kristeva. Kedua-dua tokoh ini telah mengemukakan beberapa prinsip intertekstualiti yang terlihat dalam sastera dan manifestasi yang terbayang dalam cara penulisan seseorang pengarang itu. Antara prinsip intertekstualiti ialah tranformasi, modifikasi, Ekspansi, demitefikasi, haplogi, defamiliarisasi, paralel dan sebagainya (Mana Sikana, 1998: 209). Michael Holquist (1990) dalam bukunya *Dialogism* menyatakan bahawa bidang kajian yang melihat hubungan antara sesebuah teks dengan teks yang lain dinamakan sebagai *architectonics*.

Prinsip tranformasi dalam teori intertekstualiti bermakna pemindahan, penjelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain. Proses ini berlaku dalam pelbagai cara sama ada secara abstrak atau secara formal iaitu pemindahan sepenuhnya atau sebahagian teks lain. Prinsip modifikasi pula merupakan proses penyesuaian, perubahan atau pindaan terhadap sesuatu teks ke dalam sesebuah teks yang lain. Biasanya prinsip ini menjadi teras kepada seseorang pengarang untuk menempatkan sesebuah teks yang sesuai ke dalam teks dengan melakukan proses penyesuaian, pembaikan dan pelengkapan terhadap teks-teks yang hadir itu. Ekspansi ialah melakukan peluasan teks lama ke dalam teks baru mengikut kehendak pengarang itu sendiri.

Terdapat juga prinsip demiterfikasi yang membawa pengertian penentangan terhadap pengertian teks yang asal. Prinsip ini mempunyai perbezaan dengan prinsip konversi yang juga membawa makna penentangan terhadap karya asal. Namun, penentangan dalam prinsip demiterfikasi mempunyai ciri-ciri

tertentu dan lebih bersifat radikal daripada prinsip konversi. Satu lagi prinsip yang wujud dalam teori intertekstualiti ialah haplogi. Prinsip ini merujuk kepada proses pengguguran iaitu pengarang tidak menggunakan keseluruhan teks yang dihadirkan sebaliknya berlaku pengguguran bahagian-bahagian tertentu.

Prinsip lain yang wujud dalam teori ini adalah prinsip pararel yang membawa makna, berlaku persamaan atau kesejajaran antara satu teks dengan teks yang lain. Prinsip ini ada kaitannya dengan konsep sastera yang mempunyai unsur universal yang memperlihatkan unsur-unsur keselarian dan kesejajaran teks-teks dalam sesebuah teks (Mana Sikana, 1998: 210). Selain itu, terdapat juga prinsip defamiliarisasi yang merupakan satu lagi prinsip perubahan dalam teori ini. Prinsip defamiliarisasi merupakan usaha pengarang untuk melahirkan unsur-unsur luar biasa dengan melakukan beberapa perubahan terhadap teks terdahulu (Mana Sikana, 1998: 211).

## **Sinopsis Novel**

Novel *Episod Cinta Di Tanah Hijrah* karya Amaruzati Noor Rahim mengisahkan watak Gaffar yang merupakan penerokan felda yang mempunyai dua orang puteri. Perjalanan cerita dalam novel ini diselang-selikan oleh pengarang dengan teknik imbas kembali bagi mengimbas sejarah kehidupan Gaffar sebelum merdeka. Sebelum negara mencapai kemerdekaan Gaffar melalui liku-liku yang amat mencabar dari zaman penjajahan Jepun hinggan zaman menuntut kemerdekaan. Pada awalnya, Gaffar menjadi tentera atas sebab berminat dengan pakaian seragamnya walaupun sekadar menjadi *road runner* sahaja namun semasa berlaku perang dengan Jepun yang ingin menguasai Tanah Melayu, baru beliau mengerti hakikat perjuangan seorang tentera. Semasa pendudukan Jepun, beliau melalui kehidupan yang sangat mencabar dengan melihat pelbagai pertumpahan darah berlaku. Tunang Gaffar iaitu Salmiah telah dirogol oleh tentera Jepun sehingga tunangnya itu mengalami tekanan emosi. Gaffar juga terpaksa lari ke dalam hutan akibat laporan fitnah Pian kepada tentera Jepun terhadap Gaffar.

Semasa British kembali memerintah Tanah Melayu, Gaffar menjadi seorang perjuang Gerila yang memperjuangkan kemerdekaan secara bersenjata di dalam hutan sehingga ke sempadan Thailand. Semasa beliau di dalam hutan, beliau berkahwin dengan Saadiyah dan memperoleh anak bernama Bahaman namun anaknya itu terpaksa diserahkan kepada penjaga yang lain. Semasa kerajaan memberi pengampunan kepada perjuang-perjuang berhaluan kiri, Gaffar mengambil kesempatan tersebut untuk keluar dari hutan. Selepas itu, beliau pergi mendalami agama di Kelantan dan berkahwin dengan anak gurunya iaitu Nor Aishah. Gaffar akhirnya kembali ke pangkuan ibunya iaitu Bonda Jahara. Semua kisah Gaffar dari awal menjadi Tentera Melayu hingga kembali ke pangkuan bondanya diabadikan dalam novel yang dikarangnya iaitu *Fragmen Kemerdekaan*.

Dalam masa yang sama pengarang juga banyak menceritakan mengenai 2 orang puteri Gaffar iaitu Maisarah dan Masitah. Masitah merupakan seorang doktor sakit puan yang bercinta dengan jejaka berbangsa Cina manakala Maisarah pula setelah dibuang daripada syarikat *Trend Excell*, beliau membuka perusahaan ternakan kambing di Feldanya. Maisarah turut bercinta dengan jejaka berbangsa asing iaitu Jepun bernama Tanaka. Namun percintaan Maisarah dengan Tanaka tidak dipersetujui oleh Gaffar kerana kenangan semasa zaman Jepun masih menghantui diri Gaffar.

## **ANALISIS**

Dalam menganalisis hubungan antara teks dengan teks yang lain, beberapa teks telah dikenal pasti wujud dalam novel yang dikaji antaranya novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib dan *Memoir Shamsiah Fakeh*. Menurut Bakhtin (1973) dialog atau intertekstualiti juga berlaku melalui pengalaman pengarang. Oleh hal yang demikian, kisah benar kes kandungan luar biasa pesakit Dr. Hamid Arshat, sejarah Tanah Melayu, dan kisah perjuangan golongan kiri Melayu secara umum turut dijadikan teks dalam mengkaji fenomena intertekstualiti dalam novel ini. Mawar

Shafei (2010) telah menggunakan beberapa istilah yang berkaitan iaitu istilah hipoteks (*hypotext*) yang merujuk kepada teks awal dan istilah hiperteks (*hypertext*) yang merujuk kepada teks terkini yang dihasilkan pengarang berdasarkan hipoteks turut digunakan dalam kajian ini.

## **Transformasi**

### **a) Sejarah Tanah Melayu Sebelum Merdeka kepada Naratif**

Perkataan transformasi menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1997) bermaksud perubahan bentuk sama ada dari segi sifat, rupa, keadaan dan sebagainya. Dalam konteks teori Intertekstualiti, transformasi merupakan pemindahan, penjelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain. Pemindahan teks asal atau hipoteks ke dalam novel *Episod Cinta Di Tanah Hijrah* karya Amaruzati Noor Rahim boleh dilihat daripada teknik imbas kembali yang digunakan oleh pengarang untuk menceritakan kisah zaman sebelum merdeka yang dilalui oleh watak utama. Pengarang dikatakan menghadirkan sejarah Tanah Melayu sebelum merdeka iaitu zaman penjajahan Jepun, Penguasaan Bintang Tiga dan zaman menuntut kemerdekaan daripada penjajah British yang dijadikan hipoteks oleh pengarang.

Teknik pemindahan (transformasi) daripada sejarah kepada bentuk naratif, bermula apabila watak utama iaitu Gaffar diberi perwatakan sesuai dengan gerak kronologi sejarah Tanah Melayu. Pengarang telah menggerakkan perjalanan teknik imbas kembali selari dengan peristiwa sejarah yang berlaku. Gaffar anak muda yang mempunyai keinginan menyertai Rejimen Askar Melayu hanya kerana berminat kepada uniform tentera yang kemas dan segar. Namun, selepas menghabiskan latihan ketenteraan di Port Dickson dan dihantar untuk berkhidmat sebagai *road runner* di Singapura baru beliau mengerti erti perjuangan yang sebenar. Semasa di Singapura, Gaffar telah merasai peperangan yang sebenar apabila tentera Jepun telah berperang dengan rejimen askar Melayu untuk menguasai tanah Melayu. Watak utama,

melalui teknik imbas kembali telah menjalani kehidupan yang penuh dengan kesengsaraan semasa zaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu.

Pengarang bukan sahaja memindahkan latar masa penjajahan Jepun tetapi juga telah memindahkan kisah penderitaan yang dialami oleh masyarakat Melayu pada ketika itu. Kisah penderitaan masyarakat di Tanah Melayu akibat daripada kekejaman Jepun merupakan kisah yang banyak tercatat dalam hipoteks sejarah Tanah Melayu sebelum merdeka iaitu semasa penjajahan Jepun. Pengarang telah memindahkan teks ini untuk menghidupkan jalan cerita watak yang melalui suasana kesusahan semasa zaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu.

Tuk penghulu, khabarnya diseksa kerana tidak memberi maklumat tentang gerakan anti-jepun. Arwah diazab minum air sabun bertin-tin. Hidungnya pula disumbat dengan air dari getah paip. Perutnya yang kembung itu dipijak-pijak dengan 'selipar kereta api' sehingga mati.

(Amaruzati Noor Rahim, 2009: 207)

Watak utama iaitu Gaffar telah melalui pelbagai cabaran semasa zaman Jepun. Pengarang cuba menghidupkan peristiwa sejarah penjajahan Jepun dengan menggambarkan penderitaan dan penyeksaan yang telah dilakukan oleh tentera Jepun. Hubungan dialog yang berlaku secara pemindahan ini membawa gambaran watak Gaffar yang bersifat *realiti* (seperti benar-benar wujud)

Transformasi hipoteks sejarah Tanah Melayu diteruskan pengarang dengan menunjukkan keakuran pengarang terhadap gerak kronologi yang telah tersurat dalam sejarah Tanah Melayu. Pengarang hanya menceritakan secara umum dan ringkas berkenaan dengan zaman penjajahan Bintang Tiga yang telah menguasai seketika sebelum British mengambil alih kembali Tanah Melayu. Hal ini menyebabkan pengarang akur untuk mengikut susunan kronologi sejarah yang telah sedia ada dengan

menceritakan sepintas lalu dalam satu perenggan mengenai zaman Bintang Tiga. Keakuran pengarang kepada gerak kronologi sejarah ini bersifat pelengkap dan mewajarkan perjalanan kehidupan watak dalam teknik imbas kembali.

Untuk melengkapkan kronologi sejarah Tanah Melayu sebelum merdeka, pengarang telah memindahkan zaman menuntut kemerdekaan daripada British oleh perjuang-perjuang Tanah Melayu. Latar zaman ini telah digunakan oleh pengarang untuk mengerakkan perilaku watak yang turut berjuang menuntut kemerdekaan tanah air dan latar zaman ini digunakan oleh pengarang untuk menggambarkan bahawa watak utama benar-benar wujud pada zaman tersebut.

Saya melihat dikawasan tengah Jalan Abu Bakar.  
OCPD Day membuat isyarat agar perarakan  
dihentikan tetapi barisan hadapan tetap berjalan  
perlahan-lahan merapati lelaki Inggeris itu

(Amaruzati Noor Rahim, 2009: 392)

naratif yang diajukan oleh pengarang menepati gerak sejarah yang sudah tersurat mengikut urutan masa. Namun, apa yang berbeza adalah adalah proses “mengada-adakan” yang dilakukan terhadap pengalihan watak dan perilakunya bagi mewajarkan penceritaan dan idea pengarang.

b) Transformasi cerita daripada novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*.

Pengarang novel ini juga dikatakan telah memindahkan teks *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib ke dalam novel ini. Proses pemindahan dilakukan pengarang dengan menceritakan mengenai perjuangan Leftenan Adnan yang mengetuai Rejimen Askar Melayu untuk menyekat kemaraan Jepun di Singapura. Pengarang telah menceritakan keadaan Tentera Jepun yang melakukan penyamaran sebagai tentera Punjabi untuk

melakukan serangan terhadap askar Melayu yang berada di Bukit Candu. Namun, kebijaksanaan Leftenan Adnan telah menyedari penyamaran tersebut dengan melihat pergerakan tentera tersebut yang bergerak secara berempat sedangkan tentera Punjabi dilatih bergerak secara bertiga (Pengekalan daripada teks asal). Kisah Leftenan Adnan yang dibunuh oleh tentera Jepun dengan menggunakan bayonet turut melalui transformasi dalam novel ini. Walaupun pengarang tidak menceritakan sepenuhnya kisah perjuangan Leftenan Adnan dalam novel ini namun, susunan perjalanan yang digambarkan mempunyai persamaan atau berlaku pengekalan daripada teks asalnya.

Kehadiran hipoteksteks Leftenan Adnan dalam novel ini dikerjakan oleh pengarang dengan hadirnya beberapa watak-watak penting dan latar tempat yang sama dalam novel tersebut. Kehadiran watak seperti Kapten Rix, Jeneral Yamashita dan Leftenan Jeneral Remya Mutaguchi serta latar tempat Bukit Candu telah mewajarkan kehadiran hipoteks *Leftenan Adnan Wira Bangsa* dalam novel ini.

Semuanya mengharapkan kejayaan leftenan Adnan dan orang-orangnya menumpaskan Leftenan Jeneral Remya Mutaguchi berserta tenteranya

(Amaruzati Noor Rahim, 2009: 145)

Dalam gelap tengah malam, Kapten H.R Rix telah mengarahkan Leftenan Adnan membawa C Coy berpindah ke kilang memproses candu di kaki Bukit Candu

(Amaruzati Noor Rahim, 2009: 130)

watak-watak serta latar tempat seperti petikan ini memberikan keyakinan serta bukti bahawa pengarang telah menghadirkan dan memindahkan hipoteks Leftenan Adnan ke dalam novel ini. Kehadiran kisah Leftenan Adnan ini juga mewajarkan peranan dan kewujudan watak Gaffar dalam sejarah

perjuangan ini yang menimbulkan kesan kepada khalayak bahawa Gaffar seperti benar-benar wujud pada zaman tersebut.

Menerusi kisah perjuangan oleh golongan gerila, wujud pemindahan hipoteks kisah perjuangan golongan kiri Melayu seperti *Memoir Shamsiah Fakeh* (2007) dan sejarah perjuangan golongan kiri Melayu secara umum (melalui buku-buku umum yang memaparkan kisah perjuangan golongan komunis Melayu). Penceritaan pengarah mengenai kisah Gaffar bersama-sama dengan perjuang gerila yang lain mempunyai keselarian penceritaan antara kisah benar perjuang-perjuang ini dengan kisah yang dipindahkan ke dalam novel ini. Pengarang mengisahkan perjuangan golongan gerila yang berjuang secara bersenjata dan lebih radikal di dalam hutan. Para perjuang telah melakukan serangan hendap terhadap tentera British untuk mendesak kemerdekaan tanah Melayu. Transformasi hipoteks ini telah digerakkan pengarang melalui watak Gaffar dan beberapa watak lain yang telah masuk ke dalam hutan untuk melakukan serangan terhadap penjajah Inggaris. Teks baru yang dihasilkan pengarang sememangnya mempunyai keselarian dan kesejajaran dengan teks-teks yang mengisahkan perjuangan golongan kiri Melayu.

Aku pun masuk hutan dan bermulalah era aku perjuang mengangkat senjata. Semangat cintakan tanah air dan kemerdekaan serta kesetiaan kepada perjuangan telah membuat aku teguh dan sanggup masuk hutan. Yang penting ialah mencapai Kemerdekaan.

(Shamsiah Fakeh, 2007: 56)

Perjuangan Gaffar dan beberapa watak lain yang terlibat digerakkan oleh pengarang selari dengan kisah perjuangan golongan kiri Melayu yang berjuang menuntut kemerdekaan secara bersenjata. Kronologi perjuangan watak-watak dalam novel sememangnya bukan daripada imaginasi pengarang sebaliknya diambil atau dipindahkan daripada teks-teks yang mengisahkan perjuangan golongan kiri Melayu termasuk hipoteks *Memoir*

*Shamsiah Fakeh*(2007) yang banyak dipindahkan oleh pengarang dalam hiperteksnya.

Proses tranformasi daripada hipoteks kepada hiperteks pengarang dapat dilihat dari segi persamaan yang wujud antara kedua-dua teks. Pengarang telah menghadirkan hipoteks daripada teks umum perjuangan golongan kiri Melayu dengan menyusun perjuangan Gaffar dalam Rejimen ke 10 mengikut perilaku atau peristiwa yang wujud dalam hipoteks. Pengunduran Gaffar bersama-sama dengan gerakan tentera Rejimen Ke-10 yang berundur ke selatan Thailand merupakan pengekalan daripada hipoteks pengarang.

Untuk melaksanakan strategi penting Perang Anti-British, Jawatankuasa Pusat Parti Komunis malaya dan markas Agung Tentera Pembebasan Nasional Malaya telah mengeluarkan perintah kepada Markas Besar Rejimen ke 10 melakukan perjalanan jauh ke kawasan sempadan Malaysia-Thai untuk membangunkan pengkalan perangnya yang baru.

(Mohamed Salleh Lamry, 2006: 116)

Dalam perjalanan menuju ke utara untuk ke selatan Thailand, Gaffar dan mereka yang berjuang dalam Rejimen ke 10 telah melakukan beberapa serang hendap dan mereka juga telah berhadapan dengan pelbagai cabaran sehingga Rejimen ke 10 terpaksa berpecah kepada 2 iaitu satu kumpulan menuju ke selatan Thailand manakala satu kumpulan lagi bertahan di Pahang. Kewujudan kisah ini adalah selari dengan hipoteks yang mengisahkan perjuangan golongan kiri Melayu terutama dalam hipoteks *Memoir Shamsiah Fakeh* (2007).

Dalam perjalanan, kami telah diserang oleh pasukan tentera penjajah dan akibatnya kami telah berpecah-belah

(Shamsiah Fakeh, 2007: 73)

Pengekalan dan keselarian hipoteks dengan teks baru diteruskan oleh pengarang apabila perjuangan kumpulan Rejimen ke 10 yang disertai oleh watak Gaffar telah mendapat bantuan daripada orang Asli semasa di dalam hutan. Orang Asli yang tinggal di dalam hutan telah membantu perjuangan Gaffar dan kumpulannya dengan memberi maklumat dan menyediakan bekalan makanan kepada mereka semasa di dalam hutan. Dalam hipoteks, menurut Shamsiah Fakeh (2007) dalam Memori perjuangannya telah menyatakan bahawa orang Asli yang tinggal disekitar Tanah Tinggi Cameron telah menyokong perjuangan mereka dan mereka telah menyediakan barang makan dan hasil tanaman seperti sekoi, ubi kayu dan jagung. Maka, kisah ini dipindahkan pengarang melalui gerak perjuangan Gaffar di dalam hutan.

Setelah sampai ke selatan Thailand, Gaffar telah berkahwin dengan rakan seperjuangannya yang turut berjuang di dalam hutan iaitu Saadiah. Walaupun Gaffar masih menaruh impian untuk berkahwin dengan tunangnya Salmiah namun beliau meneruskan hasratnya berkahwin dengan Saadiah kerana memikirkan masa depannya yang berada di dalam hutan. Pengarang telah menghadirkan teks daripada kisah perjuangan Shamsiah Fakeh yang telah berkahwin dengan Ibrahim Mohamad semasa di dalam hutan.

Setelah dipertimbangkan dengan saksama, akhirnya pihak pimpinan menyetujui perkahwinan kami. Ibrahim sebenarnya telah beristeri, maka dia membuat surat cerai, sebab di dalam parti, ahli-ahlinya tidak dibenarkan beristeri dua.

(Shamsiah Fakeh, 2007: 83)

Intertekstuliti dalam novel yang dikaji ini tidak hanya wujud semasa watak utama menceritakan sejarah hidupnya atau dalam

teknik imbas kembali yang digunakan pengarang sebaliknya intertekstualiti juga dapat dikesan pada realiti kehidupan yang sedang dilalui watak. Masitah yang merupakan salah seorang anak kembar Gaffar yang bekerja sebagai doktor sakit puan telah berhadapan dengan pelbagai ragam dan keadaan pesakitnya. Antara kes yang dihadapi oleh Masitah adalah kandungan pesakitnya yang bernama Zetty Karmila yang mengandungi lemak perut. Kisah kehamilan seperti ini mirip dengan kisah benar yang dialami oleh Dr. Hamid Arshat yang berhadapan dengan pesakitnya iaitu Puan L (bukan nama sebenar) yang diceritakan melalui laman web. Kehadiran hipoteks ini dalam hiperteks pengarang dapat dilihat pada perbandingan petikan dalam Jadual 1.

<p><b>Hipoteks Pengarang (berdasarkan kisah pesakit Dr Hamid Arshat)</b></p>	<p><b>Hiperteks Pengarang (Novel Episod Cinta Di Tanah Hijrah)</b></p>
<p>Ini adalah satu kisah Puan L yang telah mempunyai dua orang anak berumur 9 dan 13 tahun. Selepas itu beliau mengalami masalah untuk hamil lagi iaitu masalah ketidaksuburan. Apabila di siasat beliau didapati mengalami masalah saluran fallopian yang amat sempit dan hampir tersumbat.</p>	<p>Perempuan ini bukan mandul. Dengan dua orang anak lelaki berusia tiga belas dan sembilan tahun sejarah biologinya membuktikan dia mengalami kitaran hidup wanita normal</p> <p>”ada masalah sedikit. Tiup fallopian pun sempit.” aku menatap Zetty Karmila dengan tunakan mata yang yakin</p> <p>(Halaman 58 &amp;59)</p>
<p>Dari awal lagi saya mengesyaki bahawa kandungan beliau</p>	<p>”Saya mengandungi lemak perut, doktor?”Pungging Zetty</p>

<p>terletak di luar rahim iaitu di bahagian lemak perut (<i>omentum</i>) dan saya berkeyakinan bahawa kehamilan ini akan dapat diteruskan</p>	<p>Karmila seperti hendak terangkat.</p> <p>”Saya dan bincang dengan pakar gynecology yang lain. Kami berpendapat selamat. Puan boleh teruskan .” Aku bersuara yakin (Halaman 153 &amp;154)</p>
<p>Tetapi sampai ke lapan bulan kandungan pertumbuhan bayi mulai terganggu, iaitu bayi tidak tumbuh lagi. Akhirnya saya membuat keputusan untuk melakukan pembedahan bagi melahirkan bayi pada kandungan 36 minggu, iaitu sebulan sebelum dijangkakan lahir</p>	<p>Tiada tanda-tanda bimbang meskipun menganudng pada tempat yang tidak sepatutnya. Usia kehamilannya tiga puluh enam minggu, bayinya terhanti membesar.</p> <p>(Halaman 383)</p>
<p>Saya tidak boleh mengeluarkan uri kerana urinya melekat pada usus dan lemak perut. Oleh itu saya biarkan saja, saya hanya potong tali pusat dan ikat supaya mencegah dari berlakunya pendarahan di dalam.</p>	<p>”Ya. Placenta tak boleh dikeluarkan.” aku mengakui rumusan Sandra ”Mungkin ia melekat pada usus dan lemak usus dan lemak perut.” aku menggigit bibir sedikit</p> <p>”Kita biarkan saja.” Fadham memberi cadangan. Keningnya yang separuh</p>

<p>Sistem tubuh badan kita memang aneh, ia boleh membersihkan sesuatu sampah atau benda-benda yang tidak diingini. Begitu juga uri ini tidak diperlukan oleh badan Puan L. Jadi ia sedikit demi sedikit ia dibersihkan, iaitu diserap oleh sistem pembersihan kumuh yang terdiri daripada sel-sel 'phagocytes'.</p>	<p>tebal dan hidungnya yang mancung tercatuk itu menyerlahkan pada wajah sawo matang yang tampan."potong tali pusat. Ikat supaya pendarahan dalaman tidak berlaku</p> <p>(Halaman 384)</p>
---	--

Jadual 1  
 Kehadiran hipoteks ini dalam hiperteks pengarang

*Intertekstualiti* dalam konteks hipoteks ini dilakukan pengarang dengan mewujudkan konflik terhadap watak Masitah yang berhadapan dengan kes kehamilan yang luar biasa iaitu kandungan pada lemak perut. Pada awalnya, Zetty Karmila melakukan *diagnosis* kerana keinginan beliau untuk mengandung bagi mendapatkan anak perempuan pula setelah memperolehi 2 orang anak lelaki yang berusia 9 dan 13 tahun. Namun, setelah melakukan pemeriksaan, Masitah mendapati Zetty Karmila mengalami masalah tiup fallopian yang tersumbat dan Masitah menyuarakan beliau melakukan rawatan IVF. Pengarang meneruskan intertekstualiti terhadap hipoteks ini dengan meneruskan konflik apabila Zetty Karmila disahkan mengandung pada lemak perut dan kes satu dalam seribu ini menyebabkan Masitah mengawasi perkembangan Zetty karmila dengan rapi. Zetty Karmila melahirkan anak secara *cesarean* dan urinya tidak dibuang sebaliknya dibiarkan untuk dicernakan oleh badannya

secara semula jadi. Proses dialog atau hubungan hiperteks dengan hipoteks bergerak selari dan pemindahan yang dilakukan pengarang mempunyai ciri-ciri ketaraan yang jelas antara hipoteks dan hiperteks pengarang.

## **Modifikasi**

### **a) Modifikasi daripada cerita novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa***

Modifikasi merupakan proses penyesuaian, pembaikan atau pindahan yang dilakukan oleh pengarang terhadap sesuatu teks dalam sesebuah teks yang dihasilkan. Menurut Mana Sikana (1998), prinsip ini berlaku disebabkan timbulnya keinginan pengarang untuk menghadirkan teks-teks yang sesuai ke dalam teksnya. Dalam konteks novel yang dikaji, pengarang iaitu Amaruzati Noor Rahim telah melakukan beberapa perubahan dan penyesuaian terhadap teks-teks yang terdahulu dengan menggunakan idea dan kreativitiya bagi membentuk jalan cerita yang mampan.

Pengarang bukan sahaja melakukan pemindahan hipoteks tetapi transformasi yang dilakukan pengarang telah disusuli dengan penyesuaian dan beberapa perubahan terhadap hipoteks yang wujud dalam novel tersebut. Dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008) yang dipindahkan ke dalam teks baru, pengarang telah melakukan penyesuaian dan perubahan untuk memastikan hipoteks yang ada sesuai dengan idea dan jalan cerita yang telah dipilih oleh pengarang. Modifikasi berlaku apabila pengarang telah mengubah sudut pandang dalam menceritakan perjuangan Leftenan Adnan. Kisah perjuangan Leftenan Adnan dalam hiperteks pengarang telah diceritakan dengan menggunakan sudut pandangan watak utama iaitu Gaffar.

Modifikasi pengarang terhadap hipoteks ini bermula dengan Gaffar yang telah menamatkan latihannya di Port Dickson telah bertugas sebagai *Road Runner* dan semasa bertugas di Singapura, beliau telah berhadapan dengan situasi peperangan iaitu semasa Jepun ingin menawan Singapura. Beliau telah melihat sendiri

bagaimana kerakusan Jepun yang ingin menawan Singapura sehingga mengorbankan banyak askar Melayu. Beliau telah melihat bagaimana perjuangan askar Melayu yang diketuai oleh Leftenan Adnan Saidi meneropong dari bangunan kompeni yang berada tidak jauh dari Bukit Candu iaitu tempat Leftenan Adnan telah berjuang secara habis-habisan. Keadaan ini telah digunakan pengarang dengan mengeksploitasi watak Gaffar untuk menceritakan kisah perjuangan Leftenan Adnan yang diambil daripada pemindahan hipoteks *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib.

Modifikasi teks asal juga berlaku apabila pengarang telah mewujudkan beberapa watak rekaan yang tidak wujud dalam teks asal. Watak utama iaitu Gaffar tidak digerakkan secara sendiri sebaliknya telah dibantu dengan watak-watak lain seperti Harith, Miss Jessica, dan Stevenson bagi menghidupkan jalan cerita yang dibentuk oleh pengarang hasil modifikasi terhadap hipoteks *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Watak-watak yang telah diwujudkan ini dilihat berperanan sebagai pengisi kepada pengalaman hidup watak Gaffar yang melihat dan memerhatikan perjuangan Leftenan Adnan dan perjuang lain menentang kemaraan Jepun di Bukit Candu

Pengarang telah mengeksploitasi watak Gaffar untuk menceritakan detik perjuangan Leftenan Adnan yang mempertahankan Bukit Candu sehingga perjuang Melayu tersebut tumpas ke tangan Jepun dan dibunuh oleh Jepun dalam keadaan yang sungguh kejam iaitu dibunuh dengan tusukan bayonet oleh askar Jepun sambil digantung pada pokok ceri seperti yang terdapat pada teks asalnya. Perubahan sudut pandangan ini telah mewujudkan satu persepsi bahawa watak Gaffar seakan-akan wujud pada zaman tersebut.

#### b) Modifikasi sejarah perjuangan golongan Kiri Melayu

Dalam menghadirkan hipoteks kisah perjuangan golongan kiri Melayu terutamanya teks *Memoir Shamsiah Fakeh (2007)*, pengarang tidak hanya memindahkan secara terus sebaliknya

melakukan modifikasi terhadap hipoteks tersebut mengikut kesesuaian teks yang dihasilkan pengarang. Pengarang telah meletakkan peranan watak utama sebagai seorang perjuang kiri Melayu yang berjuang secara bersenjata di dalam hutan. Kehadiran watak Gaffar sebagai perjuang kiri Melayu dikatakan bersifat fiksiyen iaitu hadir hasil daripada kreativiti pengarang dalam mengubah dan menyesuaikan sejarah tersebut ke dalam teks yang dihasilkan. Hal ini kerana, watak Gaffar sememangnya tidak wujud dalam pensejarahan kisah perjuangan golongan kiri Melayu dalam mana-mana buku atau memoir perjuangan golongan ini.

Watak Gaffar telah digerakkan mengikut sejarah perjuangan golongan kiri Melayu sehingga memberi gambaran bahawa watak tersebut seakan-akan wujud dalam sejarah tersebut. Gaffar yang berjuang secara bersenjata bersama-sama dengan perjuang yang lain termasuk saudara rapatnya iaitu Abang Mohamad telah melakukan serangan terhadap penjajah Inggeris dan mereka telah bergerak menuju ke Selatan Thailand untuk memudahkan serangan mereka terhadap penjajah British. Semasa bergerak menuju ke utara, pengarang telah menyelitkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh golongan ini seperti tindakan watak Ali Tupai yang membuat keputusan menyerah diri kepada pihak penjajah. Kisah penyerahan ini adalah hasil modifikasi pengarang terhadap kisah suami Shamsiah Fakeh iaitu Wahi Anwar yang menyerah diri kepada penjajah Inggeris.

.....Anggota jawatankuasa cawangan PKM di situ memberitahuku kemudiannya bahawa Wahi Anwar telah menyerah diri kepada kerajaan penjajah Inggeris bersama-sama pengawal tubuhnya.....

(Shamsiah Fakeh, 2007: 70)

Modifikasi watak Ali Tupai dipilih oleh pengarah dengan penuh makna penyindiran yang tersirat. "Ali" merupakan nama yang cukup sinonim dengan orang lelaki Melayu manakala "Tupai" merupakan haiwan yang sering kali melompat daripada satu dahan

kepada satu dahan yang lain. Maka itu pengarang menggunakan nama watak "Ali Tupai" dalam novel ini bagi mewakili dan menyindir orang-orang yang tidak ikhlas dalam memperjuangkan tanah air yang diumpamakan seperti sifat "tupai" yang melompat kedahan yang lain apabila dahan tersebut tidak memberi kepentingan kepadanya.

Pengarang juga telah melakukan modifikasi hipoteks *Memoir Shamsiah Fakeh*(2007) yang mengisahkan perkahwinan dan melahirkan anak di dalam hutan. Modifikasi pengarang bermula apabila pengarang melakukan menyatukan kisah Shamsiah Fakeh yang melahirkan anak dan berkahwin dalam peristiwa yang berlainan iaitu Shamsiah Fakeh telah melahirkan anak semasa di dalam hutan hasil perkahwinannya dengan Wahi Anwar dan Selepas Wahi Anwar menyerahkan diri kepada penjajah Inggeris Shamsiah Fakeh telah berkahwin dengan Ibrahim Mohamad semasa di Selatan Thai.

.....Di dalam khemah itulah aku melahirkan seorang anak lelaki di mana Wahi Anwar menjadi bidannya.....

.....Aku dan Ibrahim akhirnya bersetuju berkahwin setelah melalui satu jalinan perhubungan di tempat kerja.....

(Shamsiah Fakeh, 2007: 67 & 83)

Pengarang telah menyatukan kisah Shamsiah Fakeh itu dengan menjelmakan watak Ibrahim Mohamad ke dalam perwatakan Gaffar tetapi diberi sedikit perubahan perwatakan iaitu Gaffar telah mempunyai tunang iaitu Salmiah sebaliknya Ibrahim Mohamad sudah mempunyai isteri. Saadiah dalam novel pula merupakan hasil jelmaan pengarang terhadap Shamsiah Fakeh. Gaffar telah berkahwin dengan Saadiah semasa berada di dalam hutan dan hasil perkahwinan mereka telah dikurniakan cahaya mata lelaki semasa berada di dalam hutan selatan Thailand.

Pengarang telah menyatukan kisah Shamsiah Fakeh dengan membentuk perubahan dengan jalan cerita yang menyatakan bahawa peristiwa melahirkan anak lelaki itu merupakan hasil perkahwinan yang sama.


Modifikasi pada hipoteks kisah benar pesakit Dr. Hamid Arshat juga dilakukan dengan meletakkan beberapa penambahan untuk membentuk erita dan menghidupkan kisah benar tersebut ke dalam teks pengarang. Pengarang melakukan modifikasi dengan meletakkan watak Zetty Karmila sebagai jelmaan pengarang terhadap Puan L. Selain itu, pengarang telah mewujudkan beberapa watak bagi mengerakkan jalan cerita hasil daripada peminda hipoteks ini seperti watak Doktor Sandar dan Doktor Fadham yang membantu Masitah dalam mengendalikan kes kandungan Zetty Karmila.

## **Haplologi**

Menurut Mana Sikana (1998), prinsip ini merujuk kepada pengguguran terhadap bahagian-bahagian tertentu dalam teks-teks yang dihadirkan pengarang ke dalam teksnya. Hal ini bermakna, pengarang tidak menggunakan kesemua teks yang dihadirkan sebaliknya pengarang telah melakukan proses peninggalan, kehilangan dan pembuangan mengikut kesesuaian teks yang dihasilkan. Dalam novel yang dikaji, Amaruzati Noor Rahim turut melakukan beberapa pengguguran dalam hipoteks seperti novel *Leftenan Adnan* dan *Memoir Shamsiah Fakeh*.

Hipoteks *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang dihadirkan oleh pengarang hanyalah pada plot tertentu sahaja dan selebihnya pengarang telah menggugurkan untuk mengikut rentak cerita yang dihasilkan. Kisah daripada novel *Leftenan Adnan* hanya diambil oleh pengarang semasa Jepun telah mula menyerang Singapura atau lebih tepat lagi Pasir Panjang dan Bukit Candu iaitu plot puncak novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Pengarang telah mengugurkan plot awal hipoteks ini dengan menghadirkan kisah Jepun yang menyerang Singapura. Proses pengguguran berlaku semasa pemilihan dan penyuntingan hipoteks (Mana Sikana, 1998: 210) Dalam plot

klmaks yang diambil oleh pengarang, terdapat juga beberapa pengguguran yang berlaku iaitu kisah perjuangan Leftenan Adnan yang lebih tertumpu kepada serangan Jepun di Pasir Panjang dan Bukit Candu.



Rajah 1: Proses Haplologi dalam hipoteks  
*Leftenan Adnan Wira Bangsa*

Pengarang juga melakukan pengguguran beberapa bahagian dalam hipoteks *Memoir Shamsiah Fakeh* (2007) yang dihadirkan dalam hiperteks pengarang. Hanya beberapa kisah Shamsiah Fakeh sahaja yang diambil oleh pengarang dan selebihnya telah digugurkan. Kisah Shamsiah Fakeh yang tidak kembali ke tanah air sewaktu Tanah Melayu mula merdeka dan beliau yang menetap di China juga telah gugurkan oleh pengarang. Dalam melakukan modifikasi hipoteks terhadap kisah Shamsiah Fakeh yang melahirkan anak di dalam hutan, pengarang telah melakukan proses penguguran peranan kisah Wahi Anwar yang diceritakan dalam hipoteks *Memoir Shamsiah Fakeh* sebagai suaminya. Sebaliknya pengarang hanya menjelmakan watak Shamsiah Fakeh dan menyatukan kisah tersebut dengan perkahwinan Shamsiah yang berbeza iaitu bersama Ibrahim Mohamad

### Prinsip Konversi

Konversi merupakan prinsip dalam intertekstualiti yang membawa makna penentangan terhadap hipoteks yang dihadirkan ke dalam

hiperteks pengarang. Menurut Mana Sikana (1998) prinsip ini berbeza dengan prinsip demitefikasi yang turut membawa makna penentangan teks asal tetapi konsep penentangan dalam prinsip konversi tidak terlalu agresif dan radikal. Prinsip ini telah ditonjolkan oleh pengarang semasa Tanah Melayu telah menerima kemerdekaan daripada penjajah Inggeris.

.....Saya tetap berpegang perjuangan saya betul. Saya ingin membela anak bangsa, tanah air ibu pertiwi. Saya perlu berkorban tetapi sekarang, saya ingin menjadikan merdeka itu bermakna. Perjuangan bukan lagi dengan senjata tetapi memacu negara menjadi cemerlang. Apa pengisiannya yang boleh saya berikan untuk tanah air jika saya masih di hutan ini? Lama saya termenung dan mencongak buruk baiknya.

(Amaruzati Noor Rahim, 2009:518)

Dalam konteks petikan ini, pengarang sebenarnya telah melakukan penentangan terhadap hipoteks *Memoir Shamsiah Fakeh* iaitu dalam teks asal, perjuang-perjuang golongan kiri Melayu ini masih tidak mahu pulang ke tanah air disebabkan ideologi yang dipegang oleh mereka yang berbeza dengan kerajaan Tanah Melayu pada ketika itu. Mereka hanya pulang ke Malaysia secara berperingkat mulai tahun 1990 iaitu setelah perjanjian perdamaian ditandatangani pada 2 Disember 1989 (Mohamad Salleh Lamry, 2006: 182)

Penentangan pengarang terhadap perkara itu diterjemahkan dengan tindakan watak utama yang pulang ke tanah air setelah kemerdekaan berjaya dicapai dan kerajaan telah memperkenalkan dasar *demobilization* yang dibuka kepada militan pada penghujung tahun 1958. Gaffar telah keluar daripada perjuangan Rejimen Ke-10 kerana merasakan tidak ada yang perlu diperjuangkan lagi kerana kemerdekaan tanah air telahpun berjaya dicapai. Penentangan inilah yang cuba disampaikan oleh pengarang

dengan menyatakan bahawa perjuang-perjuang kiri Melayu ini seharusnya kembali ke tanah air lebih awal iaitu setelah Tanah Melayu mengalami kemerdekaan kerana tenaga mereka diperlukan untuk memajukan negara yang sudah diperintah sendiri. Disebalik paparan kisah Gaffar ini juga sebenarnya menjadi wadah pengarang untuk menyuarakan bahawa perjuangan golongan kiri ini harus dilihat semula dengan makna yang lebih wajar dan adil kerana mereka juga penyumbang kepada kemerdekaan negara.

## **Ekspansi**

Ekspansi merupakan proses peluasan atau pengembangan terhadap sesuatu teks. Pengarang novel telah melakukan beberapa perluasan cerita berdasarkan beberapa hipoteks. Dalam hipoteks *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2008), pengarang tidak hanya memberhentikan jalan cerita setelah Leftenan Adnan dibunuh sebaliknya Amaruzati Noor Rahim telah meluaskan jalan cerita tersebut melalui daya kreativitinya. Pengarang telah meluaskan jalan cerita hasil daripada hipoteks dengan menceritakan kisah Gaffar yang menjadi tawanan Jepun selama 3 hari. Setelah kematian Leftenan Adnan dan kematian ramai askar Melayu dan Inggeris, Leftenan Jeneral A.E Percival telah menyerah kalah kepada Jepun.

Ketika menyerahkan senjata kepada Jepun, Gaffar telah di tampar berkali-kali sebelum di tampar dengan topi besi kalis peluru kerana Gaffar tidak menyerahkan pistolnya kepada Jepun. Setelah 3 hari menjadi tawanan Jepun, Gaffar telah mengikut rancangan *Second* Leftenan Nordin melarikan diri dan mereka berjaya melarikan diri. Akhirnya Gaffar dan rakan-rakannya berjaya pulang ke kampung. Pengarang telah meluas dan mengembangkan hipoteks teks Leftenan Adnan Wira Bangsa dengan jalan cerita tersebut untuk meneruskan gerak perjalanan watak Gaffar dan menghubungkannya dengan konflik seterusnya..

Proses ekspansi juga berlaku melalui proses konversi yang telah dilakukan oleh pengarang melalui watak Gaffar yang keluar daripada perjuangan Rejimen ke-10 setelah Tanah Melayu

merdeka. Penentang yang dilakukan terhadap hipoteks tersebut menyebabkan pengarang melakukan peluasan dengan membentuk jalan cerita untuk meneruskan penceritaan terhadap kisah Gaffar.

”Engkau benar-benar hendak berundur?”  
Dollah merenung saya dalam-dalam, seperti tidak percaya.

Saya mengangguk. ”Ya, aku hendak dalam agama Aku tak tahu bonda aku masih hidup atau...”Saya terdiam. Jauh di sudut hati, rindu menjantik.

(Amaruzati Noor Rahim, 2009: 518)


Setelah mengambil keputusan untuk kembali ke tanah air, Gaffar telah pergi mencari keluarga yang memelihara Bahaman namun Gaffar tidak sampai hati membawa Bahaman kembali kepadanya apabila melihat perempuan yang memelihara Bahaman telah menangis teresak-esak tidak mahu melepaskan Bahaman. Gaffar juga telah mendalami agama dan tinggal dengan seorang guru pondok di Pasir Puteh. Semasa belajar agama Gaffar telah berkahwin dengan Nor Aishah iaitu ibu kepada dua anak perempuan Gaffar. Peluasan jalan cerita telah dilakukan oleh pengarang sehingga Gaffar kembali bertemu dengan ibunya iaitu Bonda Jahara.

## **RUMUSAN**

Hasil daripada penelitian dan analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa kehadiran teknik imbak kembali yang digunakan oleh pengarang dalam mengenang sejarah perjuangan watak utama iaitu Gaffar mempunyai banyak unsur intertekstualiti atau dalam erti kata yang lain, unsur sejarah yang hadir merupakan unsur yang banyak dipengaruhi dengan intertekstualiti. Pengarang telah menggerakkan jalan cerita atau teknik imbas kembali yang digunakan selari dengan gerak kronologi sejarah tanah Melayu sebelum merdeka. Dalam mewujudkan unsur sejarah dalam novel,

pengarang tidak boleh sewenang-wenangnya menulis mengikut imaginasi mereka sebaliknya, mereka perlu merujuk bahan atau teks-teks sejarah yang berkaitan bagi mendapatkan ketepatan fakta untuk dijadikan sebahagian daripada teks. Perilaku dan keadaan ini yang menjadi bukti yang kukuh tentang wujudnya intertekstualiti dalam novel *Episod Cinta Di Tanah Hijrah* karya Amaruzati Noor Rahim.

Dalam menghadirkan teks-teks seperti *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, *Memoir Shamsiah Fakeh* dan sebagainya, Amaruzati Noor Rahim telah menggunakan prinsip-prinsip intertekstualiti seperti transformasi, modifikasi, haplologi, ekspansi dan konversi untuk menyatukan hipoteks-hipoteks tersebut melalui pembentukan jalan cerita dan idea yang tersendiri. Prinsip transformasi, modifikasi dan haplologi merupakan prinsip yang menjadi penggerak utama bagi pengarang menghadirkan teks-teks terdahulu ke dalam teks karyanya untuk membentuk jalan cerita yang baru dan menarik. Kerja memindah, mengugur, mengubah dan sebagainya terhadap hipoteks merupakan satu ruang untuk pengarang hiperteks mengajukan makna terkini atau apa yang mahu ditafsirkan mengikut ideologi pengarang dalam teks baharu (Mawar Shafei, 2010). Kisah perjalanan kehidupan Gaffar yang melalui zaman sebelum merdeka banyak mengaplikasikan prinsip-prinsip intertekstualiti. Pemandangan dapat dilihat pada 3 zaman yang dilalui Gaffar mengikut kronologi sejarah.



Ketiga-tiga zaman ini membuatkan pengarang telah menghadirkan teks-teks yang mengisahkan zaman-zaman tersebut untuk memberi gambaran sebenar dan meyakinkan pembaca bahawa watak utama benar-benar melalui zaman tersebut. Semasa pengarang menceritakan penaklukan Jepun ke atas Singapura, pengarang telah melakukan proses pemindahan, perubahan dan

pengguguran terhadap hipoteks *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latib Talib selain menghadirkan sejarah Tanah Melayu semasa penjajahan Jepun. Pengarang memperlihatkan keakurannya terhadap kronologi sejarah apabila turut menyelitkan kisah penguasaan sementara Bintang tiga walaupun penceritaan yang ditunjukkan tidak dilakukan secara mendalam sebaliknya hanya sepintas lalu. Pengarang yang aku dengan gerak kronologi sejarah terus membawa perjalanan cerita kepada zaman menuntut kemerdekaan dan pada zaman inilah pengarang menghadirkan hipoteks seperti *Memoir Shamsiah Fakeh* dan teks umum yang mengisahkan perjuangan golongan kiri Melayu.

Di tangan pengarang yang penuh daya kreativiti dan inovatif, kandungan atau struktur sesebuah teks yang lebih awal itu dilihat dari sudut pandang yang pelbagai. Melalui pelbagai proses yang dilalui seperti kerja pemindahan, penambahan, penukaran, pelencongan dan sebagainya memberi keampuhan makna teks yang terdahulu itu. Daya kreativiti pengarang dalam mengadunkan semula teks- teks awal dalam karya mereka menyatakan bahawa setiap karya sastera akan terus hidup, dapat diperpanjangkan hayat persoalannya dan diperdalam lagi gejala jiwa watak atau dikemaskini maknanya berdasarkan perkembangan semasa. Keadaan ini juga wujud dalam novel yang dikaji dalam kertas kerja ini iaitu novel *Episod Cinta Di Tanah Hijrah* karya Amaruzati Noor Rahim.

## **KESIMPULAN**

Novel *Episod Cinta Di Tanah Hijrah* sememangnya mengandungi unsur intertekstualiti di dalamnya. Kehadiran teks seperti novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, *Memoir Shamsiah Fakeh* dan sebagainya telah mengukuhkan jalan cerita yang telah dibentuk hasil daripada idea dan kreativiti pengarangnya. Pengarang seperti mengitar semula teks-teks terdahulu sama ada berupa teks kreatif atau bukan dengan menggabungkan teks-teks tersebut untuk membentuk teks berwajah baru. Pengarang boleh diibaratkan seperti *orchestrator* terhadap teks yang bersifat *already-written*.

Serentak dengan itu, pengarang bertindak sebagai *synthesizer* iaitu mengembleng, menggabung serta menyepadukan pelbagai wahana kesusasteraan dan beberapa kaedah secara kreatif dan inovatif seperti yang terkandung dalam prinsip intertekstualiti bagi menggarap novel mereka.

Sungguhpun intertekstualiti menampakkan kehadiran teks lain dalam sesebuah teks yang baru dihasilkan tetapi keadaan ini tidak harus disalahtafsirkan dengan mengaitkannya dengan istilah-istilah ciplak, plagiarisme dan seumpamanya. Hal ini demikian kerana intertekstualiti tidak hanya tertumpu kepada soal pengaruh dalam penciptaan karya sastera tetapi pendekatan ini lebih menitikberatkan komponen-komponen yang membina sesebuah teks seperti melihat transformasi, perubahan, pengguguran dan penentangan terhadap satu atau lebih sistem yang ada dalam karya sastera itu, termasuk dari sudut pengertian, simbol dan bentuk

## **RUJUKAN**

- A.Rahim Abdullah (2007). *Citra Manusia dalam puisi penyair Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hadi W.M (2000). *Islam: Cakerawala Estetik dan Budaya*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Abdul Halim Ali (2007). *Di Sekitar Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latip Talib (2008). *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Selangor: PTS Publication
- Adair, John, (1990). *The Art of Creativity Thinking*. Guildford: The Talbot Adair Press.
- Adolphe Haberer (2007). "Intertextuality In Theory And Practice". *Literatura*. 2007 49(5).
- Agus R Sarjono (1993). *Saini KM: Puisi dan beberapa masalahnya*. Bandung: Penerbit ITB.
- Ahmad Kamal Abdullah (1988). *Proses Kreatif Pengarang Melayu Jambak 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah (1990). *Gagasan Esei-esei Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ahmad Kamal Abdullah; editor, Haji Shapiai Muhammad Ramly (penyelenggara). *Menyirat inspirasi*; dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia, Johor: Yayasan Warisan Johor, Citra Holdings, 2011 sempena Seminar Kesusasteraan Sasterawan Negara Dato' Dr. Usman Awang (2008: Johor Baharu, Johor).
- Ainon Abu Bakar (editor) (1993). *Telaah Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan (1996). *Seni Berfikir Kreatif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ali Ghazali. (terj.) (1980). *Ihya Ulumiddin/ Menghidupkan Kembali Ilmu-ilmu Agama*. Indonesia: Penerbit Asli.
- Ani Hj Omar (2011). *Aspresiasi Teori Kesusasteraan Melayu: Puisi puisi Muhammad Haji Salleh- Aplikasi Terhadap Teori SPB4K*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.
- Anton Bakker & Achmad Charris Zubair (1990). *Metodologi Penelitian Filsafat*. Yogyakarta: Pustaka Filsafat.
- Atar Semi, M. (1993). *Anatomi Sastra*. Bandung: Angkasa Raya.
- Awang Azman Awang Pawi (2003). *Licentia Poetia Puisi Mutakhir Malaysia*. Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Azizi Yahya et. al. (2004). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Professional Pendidikan. Distributor Sdn. Bhd.
- Baha Zain (2002). *Esei & Puisi Baha Zain Tentang Penulis dan Persekitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Bolton, Gillie (2000). *The Therapeutic Potential of Creative Writing*. London and Philadelphia; Jessica Kingsley Publisher.
- Hamzah Hamdani (1988). *Konsep dan Pendekatan Sastera*. (pngr) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Julia Kristeva (1980). *Desire in Language: A Semiotic Approach to Literature and Art*. Oxford: Basil Blackwell
- Jerome de Groot (2010). *The Historical Novel*. Abingdon, Oxon: Routledge.
- Mana Sikana (1998). *Teori dan kritikan Sastera Pascamodenisme*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Mawar Shafei (2010). *Novel Intertekstual Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mawar Shafei, (2010) `Intertekstualiti dan Makna Baru dalam Novel Remaja Sri Rahayu Mohd Yusop`. *Kertas kerja*. Seminar Perkembangan Kesusasteraan Mutakhir. Tanjong Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Michael Holquist (2002). *Dialogism: Bakhtin and his World (second edition)*. London: Routledge.
- Mohamad Salleh Lamry (2006). *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsiah Fakeh (2007). *Memoir Shamsiah Fakeh: Dari AWAS ke Rejimen Ke-10*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Webster, R. (1990). *Studying Literary Theory*. London: Arnold

**Sumber internet**

<http://www.hamidarshat.com>